

Kerjasama ASEAN-GCC pacu era baharu tadbir urus

Kuala Lumpur: Kerjasama baharu di antara ASEAN dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) ialah permulaan kepada era transformasi dalam tadbir urus serta pelaburan rentas wilayah yang lebih menyeluruh dan strategik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kejayaan rundingan dua hari bersama pemimpin ASEAN, GCC dan China mencerminkan pencapaian luar jangka, khususnya apabila kesepakatan substantif dapat dicapai dalam pelbagai isu utama.

“Pada awalnya kita hanya menjangka satu bentuk persefahaman umum. Namun, perbincangan mendalam antara pe-

mimpin telah menghasilkan satu kenyataan bersama yang merangkumi pelbagai isu penting termasuk teknologi, pelaburan serta hal ehwal antarabangsa,” katanya ketika menjadi panelis dalam Forum Ekonomi ASEAN-GCC 2025, di sini semalam.

Turut serta dalam sesi berkenaan ialah Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh, dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan G42, Peng Xiao, manakala Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz bertindak sebagai moderator.

Anwar berkata, pencapaian itu tidak akan dapat direalisasikan tanpa wujudnya asas sa-

ling percaya yang kukuh antara negara anggota.

“Ini kali pertama ASEAN dan GCC menjalankan rundingan serius. Ia membabitkan dua hari yang padat dengan kerja keras serta perbincangan intensif. Namun, hasilnya cukup memberangsangkan apabila kedua-dua blok akhirnya bersetuju dalam isu-isu utama.

“Bagi saya, ini hanyalah permulaan. Apabila pemimpin bersedia menyokong teknologi baharu dan perubahan struktur, ia hanya boleh berlaku jika wujud kepercayaan tulen antara satu sama lain,” katanya.

Beliau berkata, meskipun hubungan dalam kalangan negara ASEAN sudah sekian lama ter-

jalin, kejayaan mencapai kesepakatan bersama dengan GCC membuktikan tahap kematangan diplomatik yang tinggi.

“Ini pencapaian besar, yang turut meyakinkan China untuk bersama dalam rundingan. Seperti yang saya sering tekankan, ASEAN kekal sebagai rantau paling aman dengan pertumbuhan ekonomi yang pantas.

“GCC pula menyaksikan perkembangan luar biasa dalam sektor tenaga boleh baharu, transformasi digital dan kecerdasan buatan (AI). Maka, gabungan kekuatan ini membenutuk asas kukuh untuk meneroka masa depan bersama,” katanya.

Pada masa sama, Anwar turut

menegaskan bahawa nilai kemanusiaan, maruah dan keadilan tidak boleh diketepikan dalam mengejar kemajuan teknologi.

“Isu sebenar bukan hanya berkisar kepada teknologi tetapi juga identiti, sejarah dan nilai sejagat. Tanpa nilai, teknologi boleh merendahkan martabat manusia dan menjadikan kita sekadar alat.

“Kita lihat hari ini, banyak kegagalan dalam sistem politik global berpunca daripada ‘defisit nilai’. Maruah manusia tidak lagi dihormati, keadilan dan kejujuran semakin terpinggir, semuanya berpaksi kepada kekayaan dan kejayaan semata-mata,” katanya.